

Jabatan Perkhidmatan
Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur .

20hb. Oktober, 1971.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 15/1971.

Jawatan2 Tambahsentrara untok Pegawai2 dalam Pinjaman/Tukar Sementara

Ada-lah di-dapati pada masa ini, beberapa pegawai Kerajaan telah di-benarkan berkhidmat sechara pinjaman dengan Badan2 Berkanun/Antarabangsa atau sechara tukar sementara dengan perkhidmatan2 yang lain daripada perkhidmatan2 mereka yang asal.

2. Mengikut peratoran yang ada sekarang, suatu jawatan tambahsentrara sechochok dengan perengkat pegawai yang di-pinjamkan ka-Badan Berkanun/Antarabangsa atau di-tukarkan sementara ka-perkhidmatan yang lain daripada perkhidmatan-nya yang asal di-ujudkan untok menjaga hak2 penchen atau peluang2 naik pangkat pegawai tersebut. Namun begitu, ada-lah di-dapati bahawa peratoran ini telah tidak di-ikuti oleh satengah2 Jabatan.

3. Untuk menyelaraskan tindakan yang patut di-ambil tentang perkara ini, adalah di-tetapkan bahawa mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini, Ketua2 Perkhidmatan adalah bertanggung-jawab mengadakan jawatan2 tambahsantara sechocok dengan perengkat pegawai2 yang di-pinjamkan ka-badan Berkanun/Antarabangsa dan yang ditukar sementara ka-perkhidmatan2 yang lain daripada perkhidmatan mereka yang asal.

4. Tentang pegawai2 yang telah di-pinjamkan atau di-tukar sementara sebelum keluar-nya Surat Pekeliling ini, Ketua2 Perkhidmatan hendak-lah menentukan sama ada jawatan2 tambahsantara telah di-ujudkan untuk mereka. Jikalau tidak, permohonan hendak-lah di-buat kepada Pejabat ini bagi mengujudkan jawatan2 tambahsantara untuk pegawai2 yang terlibat.

5. Supaya kedudukan jawatan2 tambahsantara itu dapat di-kawal dan di-kaji dari semasa ka-semasa ada-lah diputuskan juga bahawa : -

(a) Bagi perkhidmatan2 P.T.D. (Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik) dan Perkhidmatan Gunasama di-bawah tanggung-jawab Jabatan Perkhidmatan Awam, jawatan2 tambahsantara hendak-lah di-ujudkan dalam Anggaran Pebelanjaan Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

(b) Bagi perkhidmatan2 yang lain, jawatan tambahsantara di-ujudkan dalam Anggaran Perbelanjaan Ketua2 Perkhidmatan yang bertanggung-jawab.

Saya yang menurut Perintah,

(ABDUL AZIZ BIN MOHAMED)

Bahagian Perjawatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Ketua2 Setia Usaha Kementerian

Ketua2 Jabatan Persekutuan

Salinan: Yang Berhormat,

Setia Usaha Kerajaan,

Malaysia Barat.